

Perpustakaan Tengku Anis
Universiti Teknologi MARA
KELANTAN

HUBUNGAN ANTARA POLA KOMUNIKASI KELUARGA
DAN KETAGIHAN INTERNET DALAM
KALANGAN REMAJA

DISEDIAKAN OLEH:

ZARIDAH ABDULLAH @ DOLLAH
ROSLAN LATEH
FAIZAH DIN

FEBRUARI 2011

Tarikh : 28 Februari 2011
No. Fail Projek :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor


Tuan,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN DANA KECEMERLANGAN: HUBUNGAN
ANTARA POLA KOMUNIKASI KELUARGA DAN KETAGIHAN INTERNET
DALAM KALANGAN REMAJA**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan (2) naskah laporan akhir penyelidikan ‘Hubungan antara pola komunikasi keluarga dan ketagihan Internet dalam kalangan remaja’ oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media untuk makluman pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Zaridah Abdullah@Dollah
Ketua Projek Penyelidikan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah memberi kekuatan kepada kami dalam melaksanakan serta menyiapkan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) UiTM yang telah meluluskan geran untuk kami menjalankan penyelidikan ini.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada pihak Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media terutamanya dekan, Prof. Madya Dr. Adnan Hashim yang sentiasa memberi galakan dan sokongan untuk kami menjalankan projek penyelidikan ini sehingga selesai.

Tidak dilupakan, terima kasih kami kepada semua responden yang sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik bagi kajian ini. Akhir sekali setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

ABSTRAK

Komunikasi keluarga terutamanya antara ibu dan bapa dengan anak-anak merupakan faktor utama yang menentukan kebijakan dan masa hadapan anak-anak. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada orientasi keakuran dan perbualan dalam pola komunikasi keluarga mempunyai kaitan dengan masalah ketagihan Internet dalam kalangan remaja. Seramai 300 orang remaja di sekitar Lembah Klang telah dipilih melalui persampelan berkelompok.

Hasil kajian mendapati majoriti daripada remaja di Lembah Klang mengalami tahap ketagihan Internet yang tinggi. Kajian juga mendapati majoriti daripada keluarga remaja mengamalkan tipologi laissez faire (rendah pada kedua-dua orientasi perbualan dan keakuran) dan diikuti oleh keluarga konsensual (tinggi kedua-dua orientasi perbualan dan keakuran). Hasil kajian turut menunjukkan remaja yang datang daripada keluarga yang mengamalkan tipologi protektif paling tinggi ketagihan menggunakan Internet. Dapatkan kajian tersebut turut disokong dengan ujian korelasi Pearson yang menunjukkan wujudnya perkaitan yang positif antara orientasi keakuran dengan ketagihan menggunakan Internet dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perkaitan antara orientasi perbualan dengan ketagihan Internet.

Justeru ibu bapa disarankan untuk mengurangkan praktik orientasi keakuran dengan anak-anak kerana anak-anak akan rasa tertekan. Fenomena ini akan menyebabkan mereka terlalu bergantung kepada Internet sehingga akhirnya ketagih melayari Internet. Ibu bapa sepatutnya lebih bersikap terbuka dengan menggunakan pendekatan orientasi perbualan yang tinggi ketika bersama anak-anak.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, skop dan kewajaran kajian.

1.1 Latar belakang kajian

Komunikasi adalah satu perkara fundamental dalam pembentukan hubungan kekeluargaan bagi sesebuah rumah tangga (Bochner, 1976; dalam Koesten & Anderson, 2004). Sememangnya tidak dapat dinafikan hubungan sesama ahli dalam keluarga wujud disebabkan oleh faktor komunikasi yang berperanan menyatukan ahli-ahli dalam sesebuah keluarga itu seperti hubungan antara suami dengan isteri, hubungan antara ibu bapa dengan anak, dan juga hubungan dengan ahli keluarga yang lain.

Komunikasi keluarga bukan sahaja membentuk perhubungan dalam konteks keluarga itu sendiri sahaja tetapi turut mempengaruhi hubungan dalam konteks yang lebih luas seperti hubungan di tempat kerja, hubungan dengan orang lain serta hubungan romantik (Vangelisti, 1993). Ini adalah kerana komunikasi seseorang itu dengan orang lain di luar daripada lingkungan keluarga dipengaruhi oleh faktor komunikasi mereka di rumah. Ini